**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**
**PERATURAN PERMOHONAN MENUKAR TARAF PROGRAM**

## 1. PENUKARAN TARAF PROGRAM

- Peraturan ini terpakai untuk pelajar mod sepenuh masa dan separuh masa.
- Pelajar program MSc/PhD yang ingin menukar taraf ke program pengajian PhD perlu dinilai dan diwajibkan untuk mempertahankan cadangan penyelidikan (Research Proposal) di dalam Mini Viva-Voce, tidak melebihi 18 bulan selepas pendaftaran pengajian.
- Pelajar perlu memenuhi syarat penerbitan seperti berikut:
    a) **Dua (2)** artikel prosiding dalam Persidangan Berindeks Scopus **ATAU**
    b) **Satu (1)** artikel jurnal dalam Scopus / Web of Science (WoS) / Excellence of Research for Australia (ERA) untuk bukan sains dan program kejuruteraan, cth. bab dalam buku yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
    c) Penerbitan di bawah kategori kertas ulasan (review paper) yang berkaitan dengan projek penyelidikan hanya boleh diterima untuk memenuhi keperluan penerbitan untuk tujuan penukaran taraf pengajian di bawah syarat berikut:
        a) Penerbitan kertas ulasan mestilah dalam jurnal Q1/Q2 **DAN**
        b) Sekurang-kurangnya **satu (1)** artikel prosiding persidangan diindeks dalam Scopus.
    d) Pelajar mestilah penulis pertama atau kedua dalam senarai penulis bagi setiap penerbitan.
- Pelajar perlu memohon melalui Pusat Pengajian Siswazah (PPS) menggunakan borang dan hendaklah dihantar dalam tempoh minimum 12 bulan dan tempoh maksimum 18 bulan selepas pendaftaran pengajian. Mini Viva-Voce perlu dijalankan tidak melebihi 18 bulan selepas pendaftaran pengajian.
- Sebarang permohonan sebelum tempoh minimum dan selepas tempoh maksimum yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti/Institut akan melantik tiga (3) orang panel penilai dengan mengambilkira pandangan penyelia dan seterusnya mendapatkan perakuan Dekan Fakulti atau Pengarah Institut. Setelah panel penilai dilantik, Fakulti/institut akan membentuk satu jawatankuasa bagi membuat penilaian.
- Pelajar perlu mempertahankan cadangan penyelidikan dan membentangkan laporan penyelidikannya di hadapan jawatankuasa ini.
- PPS akan mengeluarkan surat penukaran taraf selepas kelulusan dari jawatankuasa tersebut dan diperakukan oleh JITU dan diluluskan oleh Senat Universiti.
- Sekiranya pelajar tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, permohonan pelajar akan dibentangkan pada mesyuarat JITU untuk perakuan. Sekiranya tidak diperakukan, surat makluman akan dikeluarkan oleh PPS mengenai keputusan penilaian awal.

## 2. MINI VIVA-VOCE

- Syarat-syarat untuk memohon Mini Viva-Voce ialah seperti berikut:
  a) Memenuhi syarat penerbitan.
  b) Melengkapkan Borang Penilaian MSc/PhD (PIT 05).
  c) Menghantar Laporan Penyelidikan yang mengandungi:
     i. Hasil kerja penyelidikan.
     ii. Aktiviti penyelidikan seperti penerbitan di dalam jurnal/prosiding/artikel, penyertaan di dalam pameran dan pembentangan kerja-kerja penyelidikan.
  d) Menunjukkan kemajuan dalam penyelidikan dan menghantar Laporan Kemajuan Atas Talian (Online Progress Report) setiap enam (6) bulan secara atas talian menggunakan platfom Online Postgraduate Information (OPI).
- Kegagalan untuk menjalankan Mini Viva-Voce dalam tempoh yang ditetapkan (tidak melebihi 18 bulan selepas pendaftaran) akan menyebabkan kegagalan untuk penukaran ke pengajian PhD dan akan disambung pengajian peringkat MSc.
- Jika pelajar lulus Mini Viva-Voce, tahun pertama pengajian akan dikira sebahagian dari tempoh pencalonan PhD dan akan menyambung pengajian peringkat PhD.
- Jika pelajar gagal Mini Viva-Voce, tahun pertama penngajian akan dikira sebahagian tempoh pencalonan Sarjana dan akan menyambung pengajian peringkat MSc.

## 3. YURAN

Dari segi penetapan yuran, bagi tahun pertama pengajian pelajar akan dikenakan yuran program Sarjana.

## 4. PANEL PENILAI

- Fakulti/Institut perlu melantik tiga (3) orang panel penilai dalam bidang berkenaan dan membentuk satu jawatankuasa bagi membuat penilaian.

- Jawatankuasa ini terdiri daripada:
  (i) Pengerusi
  Dekan/Timbalan Dekan Akademik/Wakil (sekurang-kurang bertaraf Profesor Madya)
  (ii) Urusetia
  Pengerusi Rancangan Siswazah / Penolong Pendaftar Pusat Pengajian
  (iii) Ahli
    a. Pensyarah Kanan/Prof. Madya/Prof yang mempunyai pelajar PhD yang telah bergraduat, **DAN**

    b. Seorang daripada panel mestilah bertaraf Prof/Prof. Madya Penyelia Utama dan Penyelia Bersama dijemput hadir

PIT05

**Pusat Pengajian Siswazah**
*Centre for Graduate Studies*

**PERMOHONAN MENUKAR TARAF PROGRAM M.Sc/Ph.D KE DOKTOR FALSAFAH**
*APPLICATION FOR CONVERSION OF M.Sc/Ph.D*

**BAHAGIAN A** — **UNTUK DILENGKAPKAN OLEH PELAJAR**
***PART A*** — ***TO BE COMPLETED BY STUDENT***

**1.** Nama / *Name* : ____________________

**2.** No. Pelajar / *Student No.* : ____________________

**3.** Program / *Programme* : ____________________

4. Tempoh pengajian berdaftar (*Study duration)* : ☐ tahun/*year* ☐ bulan/*month*

5. Tarikh Pendaftaran / *Date of registration* : ____________________

7. Bidang Pengajian / *Field of research* : ____________________

8. Fakulti / *Faculty* : ____________________

9. No. Telefon & Emel / *Telephone No. & Email*: ____________________

10. Tajuk Projek Penyelidikan /*Research project title* :

____________________

____________________

11. Penyelia Utama / *Main Supervisor* : ____________________

Penyelia Bersama / Co Supervisor (s) : 1. ____________________

2. ____________________

3. ____________________

12. Tajuk Projek Penyelidikan Ph.D / *Title of Ph.D research project*:

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

13. Senarai Penerbitan (Sila lampirkan berasingan) *List of Publication (Kindly attach separately)*

14. Laporan projek penyelidikan terkini (Sila lampirkan berasingan)/*Report of current research project( Kindly attach separately)*

15. Justifikasi sokongan / *Justification*

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

_________________________ _________________________

Tandatangan Pelajar — Tarikh / *Date*
*Student signature*

***Untuk kegunaan Pusat Pengajian Siswazah Sahaja***

Tarikh pendaftaran pelajar ______________________

Pengesahan tempoh permohonan ______________________

Permohonan perlanjutan tempoh pembentangan (surat rasmi / e-Mel rasmi) ☐ Ada ☐ Tiada

CGPA __________

Komen

Tandatangan pegawai & cop rasmi

Tarikh:

**PIT05**

**BAHAGIAN B / *PART B*** **PERAKUAN FAKULTI / *FACULTY'S VERIFICATION***

**1. Komen Penyelia Utama/ *Lead Supervisor comment***

☐ Disokong *(Recommended)* ☐ Tidak disokong *( Not Recommended)*

____________________________________________

____________________________________________

__________________________ _________

Tandatangan & Cop Rasmi
*Signature & official stamp*

Tarikh / *Date*

**2. Komen Pengerusi Rancangan Siswazah/ *Postgraduate Program Chairman's comment***

☐ Disokong *(Recommended)* ☐ Tidak disokong *(Not Recommended)*

____________________________________________

____________________________________________

__________________________ _________

Tandatangan & Cop Rasmi
*Signature & official stamp*

Tarikh / *Date*

**3. Panel Penilai yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fakulti / *Recommendation of Evaluators***

i. ____________________________________________

ii

ii. ____________________________________________

iii. ____________________________________________

**4. Sokongan Dekan Fakulti / *Dean's Recommendation***

☐ Disokong *(Recommended)* ☐ Tidak disokong *(Not Recommended)*

____________________________________________

____________________________________________

__________________________ _________

Tandatangan & Cop Rasmi
*Signature & official stamp*

Tarikh / *Date*

| |
|---|
| ***Untuk kegunaan Pusat Pengajian Siswazah Sahaja***<br>Pengesahan & Komen Pengarah Pusat Pengajian Siswazah: |